

	Jenis Dokumen: Polisi	Prosedur / Tajuk: Polisi Pakatan Integriti dan Ikrar Integriti Jawatankuasa	Nombor Dokumen: TCIMS-005	
	Pemilik dokumen: Unit Pemerolehan TNB Energy Services Sdn Bhd		Semakan:	0
			Tarikh penerbitan:	April 2021

**TNB ENERGY SERVICES SDN BHD
COMPANY NO: 199701008911 (424407-M)**

TNB Energy Services Sdn. Bhd.

Menara PKNS-PJ

Jalan Yong Shook Lin

46040 Petaling Jaya, Selangor

Polisi Pakatan Integriti dan Ikrar Integriti Jawatankuasa

Nombor Dokumen:

TCIMS-005

Nombor Semakan	Perkara	Oleh	Disahkan oleh	Diluluskan oleh
Tiada	Penyediaan Polisi	TNB Energy Services Sdn. Bhd.	Jabatan Integriti	TNBES BOD

Kandungan

1. Latar Belakang.....	3
2. Objektif	3
3. Skop.....	3
4. Rujukan	3
5. Takrif	4
6. Pemilik.....	5
7. Polisi.....	5
8. Prosedur.....	5
9. Hukuman bagi Ketakpatuhan	6
10. Penepian	6
11. Semakan & Pemeriksaan	6
Lampiran 1 : Pakatan Integriti	7
Lampiran 2 : Ikrar Integriti Jawatankuasa Tender.....	8

1. Latar belakang

Pemerolehan dan pengurusan kontrak sangat terdedah kepada risiko rasuah. Kebocoran berlaku pada semua peringkat pemerolehan dan pemberian kontrak termasuk pada peringkat sebelum reka bentuk kontrak, pemprosesan tender dan semasa tempoh kontrak itu sendiri.

Pakatan Integriti menggalakkan operasi bebas rasuah dalam organisasi pemerolehan dan Pembekal Luarnya semasa pemberian dan pelaksanaan kontrak. Pelaksanaan Pakatan Integriti menyumbang kepada manfaat lain seperti ketelusan yang lebih tinggi dalam pemberian kontrak dan meningkatkan keyakinan serta kepercayaan orang ramai.

Ikrar Integriti Jawatankuasa Tender menetapkan tingkah laku yang diharapkan daripada ahli jawatankuasa. Ikrar ini akan ditandatangani pada waktu bermulanya setiap mesyuarat jawatankuasa berkaitan tender oleh setiap ahli jawatankuasa yang hadir.

2. Objektif

Tujuan polisi ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penggunaanya tentang prosedur yang sesuai apabila melaksanakan Pakatan Integriti dalam pemberian tender pemerolehan dan pengurusan kontrak.

3. Skop

Polisi ini terpakai kepada TNBES, Lembaga Pengarah dan Kakitangan TNBES yang akan dimasukkan di bawah takrif berserta Organisasi Kawalannya, Lembaga Pengarahnya dan kakitangan.

4. Rujukan

- a) ISO 37001:2016
- b) Prosedur Tatatertib TNBES
- c) Glosari Istilah TCIMS
- d) Polisi Konflik Kepentingan TNBES
- e) Polisi Hadiah, Hospitaliti dan Manfaat Berkaitan TNBES
- f) Polisi Pemberian Maklumat TNBES
- g) Prosedur Pemantauan dan Semakan TCIMS

5. Takrif

BOD	Lembaga Pengarah TNBES dan Lembaga Organisasi Kawalannya
Rasuah	<p>Rasuah ditakrifkan sebagai apa-apa tindakan yang boleh dianggap sebagai kesalahan memberikan atau menerima 'suapan' di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM).</p> <p>Dari segi amalannya, Rasuah bermaksud menawarkan, memberikan, menerima atau meminta sesuatu yang bernilai dalam cubaan untuk mempengaruhi secara tidak jujur keputusan atau tindakan seseorang yang memegang jawatan beramanah dalam organisasi.</p> <p>'Suapan' ditakrifkan dalam ASPRM dengan maksud yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <i>wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;</i> (b) <i>apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;</i> (c) <i>apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;</i> (d) <i>apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;</i> (e) <i>apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;</i> (f) <i>apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan</i> (g) <i>apa-apa tawaran, akujanji atau janji sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian manamana perenggan (a) hingga (f).</i> <p>Rasuah boleh bersifat 'ke luar', apabila seseorang yang bertindak bagi pihak TNBES cuba mempengaruhi tindakan seseorang di pihak luar seperti pegawai kerajaan atau pembuat keputusan di pihak klien.</p> <p>Rasuah juga bersifat 'ke dalam', apabila pihak luar cuba mempengaruhi seseorang dalam Kumpulan TNBES seperti pembuat keputusan kanan atau seseorang yang mempunyai akses kepada Maklumat Sulit.</p>
BTC	Jawatankuasa Lembaga Tender TNB.
Penyedia Luar	Mana-mana orang atau perniagaan yang menyediakan (atau ingin menyediakan) produk atau perkhidmatan untuk TNBES atau menjalankan perniagaan dengan TNBES dengan atau tanpa kontrak bertulis. Penyedia luar ini termasuklah pembekal, vendor, kontraktor, perunding dan ejen.

Pakatan Integriti	Perjanjian sah antara dua entiti (biasanya Pembeli dengan Penyedia Luar) untuk bertindak mengikut set amalan yang dipersetujui bagi mengelakkan berlakunya rasuah semasa menjalankan aktiviti komersial mereka. Hendaklah dibezakan dengan Ikrar Integriti untuk kakitangan (lihat di bawah).
Ikrar Integriti	Dokumen yang ditandatangani oleh individu yang menyatakan mereka akan bertindak dengan berintegriti apabila melaksanakan tugas mereka di TNBES.
Kakitangan TNBES	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak secara langsung dengan syarikat dan Organisasi Kawalannya atas dasar pekerjaan termasuk pekerja dan pengarah tetap dan sementara.

6. Pemilik

Pemilik polisi ini ialah Unit Pemerolehan TNBES.

7. Polisi

7.1 Pakatan Integriti

- a) Pakatan Integriti hendaklah dimasukkan ke dalam dokumen yang diberikan kepada Penyedia Luar yang berpotensi untuk semua pemerolehan TNBES.
- b) Pakatan Integriti hendaklah ditandatangani oleh wakil yang diberikan kuasa daripada Penyedia Luar sebelum kontrak utama untuk barang dan perkhidmatan ditandatangani.
- c) Pakatan Integriti boleh ditandatangani pada majlis yang sama kontrak utama ditandatangani.
- d) Pakatan Integriti tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Pakatan dibuat dengan suci hati oleh semua pihak yang terlibat. Dengan demikian, mereka akan terikat secara sah di sisi undang-undang.

7.2 Ikrar Integriti Jawatankuasa Tender

Ikrar Jawatankuasa hendaklah ditandatangani oleh semua peserta yang hadir pada awal semua mesyuarat jawatankuasa berkaitan dengan pemerolehan.

8. Prosedur

8.1 Pakatan Integriti

- a) Pakatan Integriti hendaklah diberikan sebagai sebahagian daripada dokumen untuk semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pemerolehan yang melibatkan kontrak.
- b) Bahagian Pemerolehan TNBES hendaklah menjawab apa-apa pertanyaan yang dikemukakan oleh Penyedia Luar jika diminta untuk berbuat demikian sebelum Pakatan ditandatangani.
- c) Pakatan Integriti hendaklah ditandatangani sebelum menandatangani kontrak.
- d) Bahagian Pemerolehan TNBES hendaklah menyimpan salinan asal Pakatan Integriti berserta dokumen pembidaan dan kontrak untuk rujukan lanjut.

- e) Salinan Pakatan Integriti dimasukkan dalam **Lampiran 1**.

8.2 Ikrar Jawatankuasa Tender

- a) Pengerusi mesyuarat hendaklah mengarahkan ahli jawatankuasa menandatangani Ikrar pada awal mesyuarat.
- b) Setiausaha mesyuarat hendaklah mengumpulkan dokumen yang ditandatangani dan menyimpannya untuk rekod syarikat.
- c) Seperti dalam perkara e) dokumen Ikrar, ahli jawatankuasa hendaklah mengisytiharkan dengan segera kepada Pengerusi jika mereka mendapat tahu tentang kewujudan konflik kepentingan. Selepas itu, Pengerusi akan menentukan tindakan yang wajar menurut Polisi *Konflik Kepentingan*.
- d) Salinan Ikrar Integriti dimasukkan dalam **Lampiran 2**.

9. Hukuman bagi Ketakpatuhan

9.1 Pakatan Integriti

Jika penyedia luar didapati atau disyaki melanggar Pakatan Integriti, TNBES hendaklah menjalankan siasatan untuk memastikan sama ada terma Pakatan benar-benar telah dilanggar. JTT atau pihak berkuasa berkaitan yang lain dalam TNBES hendaklah selepas itu menyemak laporan siasatan dan menentukan tindakan selanjutnya yang patut diambil.

9.2 Ikrar Jawatankuasa Tender

Jika keperluan Ikrar Jawatankuasa Tender telah dilanggar tindakan disiplin TNBES yang standard akan diambil.

10. Penepian

Apa-apa penyimpangan daripada atau penepian terhadap polisi ini mestilah diluluskan oleh BOD.

11. Semakan & Pemeriksaan

11.1 Unit Pemerolehan akan menjalankan semakan berkala bagi memastikan Pakatan Integriti ditandatangani seperti yang ditetapkan dalam polisi ini.

11.2 Unit Pemerolehan akan menyemak kesesuaian polisi ini dari semasa ke semasa.

Lampiran 1: Pakatan Integriti

Pakatan Integriti TNB Energy Services Sdn Bhd

Kami mengesahkan komitmen TNB Energy Services Sdn Bhd (TNBES) terhadap perniagaan yang beretika dan dengan ini mengaku janji untuk bertindak dengan berintegriti dalam semua urusan dengan TNBES. Kami menyatakan komitmen kami dengan mengaku janji perkara yang berikut:-

- 1) Kami akan melaksanakan semua obligasi berkontrak secara profesional dan beretika;
- 2) Kami akan mematuhi tatakelakuan perniagaan dan kod etika TNBES serta polisi, prosedur dan garis panduan yang terpakai pada setiap masa;
- 3) Kami tidak akan berkomploit atau berpakat dengan syarikat lain;
- 4) Kami tidak akan mendedahkan butiran tender/kontrak kepada mana-mana pihak tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Pemerolehan TNBES;
- 5) Jika mana-mana produk atau bahagian daripadanya diperoleh daripada pihak ketiga kami tidak akan mengemukakan produk tersebut sebagai produk kami sendiri tanpa mendedahkan pihak ketiga itu;
- 6) Kami tidak akan memberikan, menawarkan atau menjanjikan apa-apa bentuk rasuah, hadiah atau bentuk 'suapan' yang lain (seperti yang ditakrifkan dalam Bahagian 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009) kepada pekerja, ejen, pengarah atau wakil TNBES yang lain berhubung perkara ini atau mana-mana tender/kontrak lain dengan TNBES, pada mana-mana peringkat tender/kontrak;
- 7) Kami akan melaporkan dengan segera kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan/atau kepada pegawai kanan TNBES jika pekerja, ejen atau pengarah TNBES meminta apa-apa bentuk suapan pada mana-mana peringkat tender/kontrak; dan
- 8) Kami akan memaklumkan dan memastikan pekerja, ejen, pengarah dan wakil lain dari syarikat kami mematuhi keperluan ini.

Jika kami didapati melanggar perkara di atas atau telah melakukan apa-apa aktiviti yang ditegah atau menyalahi undang-undang berhubung dengan tender/kontrak ini, kami bersetuju supaya tindakan berikut diambil:

- 1) TNBES akan menamatkan tender/kontrak dengan serta-merta tanpa apa-apa kos, penalti atau liabiliti dikenakan kepada TNBES; dan/atau
- 2) syarikat kami dan pengarahnya akan disenarai hitamkan daripada menyertai aktiviti pemerolehan TNBES pada masa depan; dan/atau
- 3) kami akan menanggung rugi TNBES, pegawai, pekerja, pengkhidmat dan ejennya daripada apa-apa tuntutan, kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada pelanggaran tersebut atau daripada aktiviti yang ditegah atau menyalahi undang-undang berkenaan.

Bagi pihak syarikat:

Tandatangan:

Nama:

No.Kad Pengenalan/Passport:

Jawatan:

Nama Syarikat:

Lampiran 2: Ikrar Integriti Jawatankuasa Tender

UNTUK DITANDATANGANI SEBELUM PENILAIAN TENDER

Pernyataan tiada konflik kepentingan, kerahsiaan maklumat dan pencegahan rasuah oleh

Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender ('TEC') untuk

Tajuk dan nombor rujukan Tender/sebut harga _____ ('Tender')

Saya, _____, yang

menganggotai TEC dengan sesungguhnya dan sejujurnya mengaku bahawa:-

- a) Saya akan menjauhi apa-apa amalan rasuah dengan mana-mana orang secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan mana-mana serahan yang dinilai semasa saya memegang jawatan yang berhubung dengan proses pemerolehan di TNB Energy Services Sdn Bhd ("TNBES");
- b) Saya tidak akan berpakat dengan mana-mana pihak yang boleh memberikan kesan terhadap ketelusan dan keadilan dalam proses pemerolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- c) Saya tidak akan, sama ada secara langsung atau melalui pihak lain, mendapatkan untuk diri saya dan/atau mana-mana orang dan/atau syarikat yang berkaitan dengan saya termasuk tetapi tidak terhad kepada saudara (seperti yang ditakrifkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, diringkaskan di bawah), kenalan dan sekutu perniagaan saya, apa-apa dorongan atau hadiah atau apa-apa bentuk 'suapan' (seperti yang ditakrifkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, diringkaskan di bawah) lain yang tidak wajar bagi memudahkan penganugerahan kontrak yang berkaitan dengan Tender;
- d) Saya atau mana-mana orang dan/atau syarikat yang disebutkan di atas tidak menerima daripada dan/atau dipengaruhi dengan ditawarkan, disediakan dengan, dikurniakan dan/atau diberikan oleh mana-mana pembida samaada secara langsung atau tidak langsung, melalui ejen atau pihak ketiga yang lain (termasuk syarikat, sub kontraktor atau perunding yang berkaitan dengan pembida), apa-apa bentuk 'suapan' bagi memudahkan penganugerahan kontrak yang berkaitan dengan Tender;
- e) Saya akan memaklumkan kepada Pengerusi TEC dengan segera jika mana-mana orang dan/atau syarikat yang disebutkan di atas menunjukkan minat terhadap mana-mana perkara pemerolehan yang saya turut terlibat;
- f) Saya akan pada setiap masa, memastikan maklumat yang dianggap bersifat sensitif dan/atau ditandakan sulit ("Maklumat Sulit") yang dalam milikan saya, diterima oleh saya atau berada dalam pengetahuan saya apabila menjalankan tugas yang melibatkan proses pemerolehan TNB, benar-benar sulit dan peribadi;
- g) Saya tidak akan (kecuali dengan kebenaran terus atau nyata daripada TNBES atau yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang) mendedahkan, samaada secara langsung atau tidak langsung kepada pembida, ejen mereka dan/atau mana-mana pihak ketiga yang lain (termasuk syarikat, subkontraktor atau perunding yang berkaitan dengannya), apa-apa

Maklumat Sulit sebelum dan/atau semasa penganugerahan kontrak yang akan dibuat oleh TNBES yang akan meletakkan mana-mana pembida dalam apa-apa kedudukan yang menguntungkan berbanding pembida lain yang turut serta dalam apa jua cara sekalipun;

- h) Jika terdapat apa-apa usaha rasuah daripada mana-mana pihak saya akan memaklumkan dengan segera kepada Pegawai Integriti di Jabatan Perundangan TNBES berhubung perkara itu.
- i) Saya sedar sepenuhnya bahawa apa-apa ketakpatuhan terhadap perkara yang disebutkan di atas akan memberikan kesan yang sama seperti melakukan kesalahan jenayah dan saya boleh dikenakan tuduhan jenayah di bawah Kanun Keseksaan (Semakan 1997) (dan pindaannya) dan/atau Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (dan pindaannya) dan/atau undang-undang lain yang terpakai dan dikuatkuasakan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa; dan
- j) Saya sedar sepenuhnya bahawa dengan melakukan mana-mana ketakpatuhan terhadap perkara yang disebutkan di atas, saya sebenarnya telah melanggar kontrak pekerjaan saya dan boleh dikenakan tindakan guaman sivil dan/atau industri oleh TNBES. Saya faham bahawa TNBES boleh mengenakan tindakan disiplin berikut terhadap saya:
 - 1. Amaran keras secara bertulis
 - 2. Penggantungan kerja tanpa gaji
 - 3. Penangguhan kenaikan gaji /bonus
 - 4. Pengurangan gaji
 - 5. Penurunan pangkat
 - 6. Pemecatan kerja

Bahagian 3 dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 menyatakan bahawa:

“saudara”, berhubungan dengan seseorang, ertinya –

- (a) Isteri atau suami orang itu;
- (b) Adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (g) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau (h) Menantu orang itu.

“Suapan” ertinya—

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;

- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain samaada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a)hingga(f).

Saya membuat akuan ini dengan sejujurnya dan suci hati.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh:

Tandatangan: _____

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh: _____

UNTUK DITANDATANGANI SEBELUM KOTAK TENDER DIBUKA

Pernyataan tiada konflik kepentingan, kerahsiaan maklumat dan pencegahan rasuah oleh

Ahli Jawatankuasa Membuka Tender ('TOC') untuk

Tajuk dan nombor rujukan Tender/sebut harga _____ ('Tender')

Saya, _____, yang

menganggotai TOC dengan sesungguhnya dan sejujurnya mengaku bahawa:-

- (a) Saya akan menjauhi apa-apa amalan rasuah dengan mana-mana orang secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan mana-mana serahan yang dinilai semasa saya memegang jawatan yang berhubung dengan proses pemerolehan di TNB Energy Services Sdn Bhd ("TNBES");
- (b) Saya tidak akan berpakat dengan mana-mana pihak yang boleh memberikan kesan terhadap ketelusan dan keadilan dalam proses pemerolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;
- (c) Saya tidak akan samaada secara langsung atau melalui pihak lain, mendapatkan untuk diri saya dan/atau mana-mana orang dan/atau syarikat yang berkaitan dengan saya termasuk tetapi tidak terhad kepada saudara (seperti yang ditakrifkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, diringkaskan di bawah), kenalan dan sekutu perniagaan saya apa-apa dorongan atau hadiah atau apa-apa bentuk 'suapan' (seperti yang ditakrifkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, diringkaskan di bawah) lain yang tidak wajar bagi memudahkan penganugerahan kontrak yang berkaitan dengan Tender;
- (d) Saya atau mana-mana orang dan/atau syarikat yang disebutkan di atas tidak menerima daripada dan/atau telah dipengaruhi dengan ditawarkan, disediakan dengan dikurniakan dan/atau diberikan oleh mana-mana pembida samaada secara langsung atau tidak langsung melalui ejen atau pihak ketiga yang lain (termasuk syarikat, subkontraktor atau perunding yang berkaitan dengan pembida), apa-apa bentuk 'suapan' bagi memudahkan penganugerahan kontrak yang berkaitan dengan Tender;
- (e) Saya akan memaklumkan kepada Pengerusi TOC dengan segera jika mana-mana orang dan/atau syarikat yang disebutkan di atas menunjukkan minat terhadap mana-mana perkara pemerolehan yang saya turut terlibat;
- (f) Saya akan memastikan bahawa pada setiap masa maklumat yang dianggap bersifat sensitif dan/atau ditandakan sulit ("Maklumat Sulit") yang dalam milikan saya, diterima oleh saya atau berada dalam pengetahuan saya apabila menjalankan tugas yang melibatkan proses pemerolehan TNBES benar-benar sulit dan peribadi;
- (g) Saya tidak akan (kecuali dengan kebenaran terus atau nyata daripada TNB atau yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang) mendedahkan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pembida, ejen mereka dan/atau mana-mana pihak ketiga yang lain (termasuk syarikat, subkontraktor atau perunding yang berkaitan dengannya) apa-apa Maklumat Sulit sebelum dan/atau semasa penganugerahan kontrak yang akan dibuat oleh TNBES yang akan meletakkan mana-mana pembida dalam apa-apa kedudukan yang menguntungkan berbanding pembida lain yang turut serta dalam apa jua cara sekalipun;
- (h) Jika terdapat apa-apa usaha rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan memaklumkan dengan segera kepada Pegawai Integriti di Unit Perundangan TNBES berhubung perkara itu.

- (i) Saya sedar sepenuhnya bahawa apa-apa ketakpatuhan terhadap perkara yang disebutkan diatas akan memberikan kesan yang sama seperti melakukan kesalahan jenayah dan saya boleh dikenakan tuduhan jenayah di bawah Kanun Keseksaan (Semakan 1997) (dan pindaannya) dan/atau Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (dan pindaannya) dan/atau undang-undang lain yang terpakai dan dikuatkuasakan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa; dan
- (j) Saya sedar sepenuhnya bahawa dengan melakukan mana-mana ketakpatuhan terhadap perkara yang disebutkan di atas, saya sebenarnya telah melanggar kontrak pekerjaan saya dan boleh dikenakan tindakan guaman sivil dan/atau industri oleh TNBES. Saya faham bahawa TNBES boleh mengenakan tindakan disiplin berikut terhadap saya:
1. Amaran keras secara bertulis
 2. Penggantungan kerja tanpa gaji
 3. Penangguhan kenaikan gaji /bonus
 4. Pengurangan gaji
 5. Penurunan pangkat
 6. Pemecatan kerja

Bahagian 3 dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 menyatakan bahawa:

“saudara”, berhubung dengan seseorang, ertinya –

- (i) Isteri atau suami orang itu;
- (j) Adik atau abang atau kakak orang itu;
- (k) Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (l) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (m) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (n) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (o) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau (p) Menantu orang itu.

“Suapan” ertinya—

- (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;

- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apaapa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji sama ada bersyarat atau tidak bersyarat untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

Saya membuat akuan ini dengan sejujurnya dan suci hati.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh:

Tandatangan: _____

Nama: _____

No. Kad Pengenalan: _____

Tarikh: _____